

Helo f Kampus

helo.kampus
kampus@utusan.com.my

Komuniti teknologi solar

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAH
kampus@utusan.com.my



BAGI merealisasikan pembangunan sains dan teknologi dalam masyarakat, **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** sentiasa berusaha mencari ruang bagi mendekati golongan itu, sama ada di dalam mahupun luar negara.

Sepanjang tahun, pelbagai aktiviti dijalankan oleh UMP sebagai menyebarkan cabaran kerajaan seiring dengan aspirasi UMP bagi memberi pendedahan kepada penyarah dan pelajar mengemukakan idea dan kepakaran teknologi yang dipelajari di universiti agar dapat dimanfaatkan oleh masyarakat.

Antaranya,

UMP melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Naib Canselor dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (Malahari) baru-baru ini telah menjalankan program khidmat masyarakat Misi Kemusiaan UMP-We Love We Care di Kampung Tamnalang Hilli Satun, Thailand.

Program khidmat masyarakat UMP itu melibatkan usaha sama antara Malaysia dan Thailand dalam merencana kepakaran kejuruteraan, saintifik dan teknologi UMP dalam teknologi solar dan produk kawalan serangga.

Usaha itu melibatkan

JURUTERA UMP memasang panel lampu solar untuk memberi pencahayaan di tiga buah jeti di Kampung Tamnalang Hilli Satun, Thailand.



KOMITMEN jurutera UMP bertungkus lumus memasang panel lampu solar bagi memudahkan penduduk untuk melakukan urusan harian pada sebelah malam.

kerjasama dari Pejabat Gabenor Satun yang diketuai Pegawai Operasi Keselamatan Wilayah Satun, Kolonel Pansawat Malarat.

Sementara itu, Pendaftar dan Ketua Pegawai Operasi UMP, Abd Hamid Majid berkata, program itu antara lain bertujuan memberi

pendedahan dan pengalaman berguna kepada penyarah dan pelajar dalam usaha mentransfer teknologi penyelidikan yang dibangunkan oleh UMP selain memodali kehidupan masyarakat desa.

Kelanya, di samping merakat sendiri pengalaman hidup di

desa, peserta program tersebut turut mempromosi hasil penyelidikan Piosoptera dan Peskilla iaitu produk berteknologi hijau pertama Malaysia keluaran anak syarikat UMP, Ecopest Sdn. Bhd yang dapat membantu menyelesaikan masalah serangan awal anak ulat serangga yang

merosakkan beberapa bangunan di kampung berkenaan.

Sementara itu, Abd Hamid berkata, program kemasyarakatan yang dianjurkan itu turut mempromosikan produk inovasi inkubator penetasan telur dari labatan Penyelidikan dan Inovasi UMP.

"Pasukan yang diketuai Pansawat, Mohd. Nurulakla Mohd Azlan dan pelajarnya banyak membantu penduduk di sini untuk meningkatkan pengeluaran telur ayam secara efektif dan berkesan," katanya.

Abd Hamid berkata, dinantikan program ini menjadi kebanggaan UMP dan sebagai kenangan yang tidak akan dilupakan pelajar selepas menamatkan pengajian nanti. Tambahan pula, pelajar yang terlibat dalam program ini merupakan pemenang biasiswa MyGUMP.



KOLONEL PANSAWAT MALARAT (enam dari kanan) dan **Abd Hamid Majid** (dua dari kanan) bergambar bersama penduduk setempat meramaikan Misi Kemusiaan UMP-We Love We Care di Kampung Tamnalang Hilli Satun, Thailand baru-baru ini.



PRODUK Piosoptera dan Peskilla yang digunakan bagi menyelesaikan masalah serangan awal-anak dan serangga yang merosakkan beberapa bangunan di Kampung Tamnalang, Hilli Satun, Thailand.